

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 3, Issue 4, August 2018

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocialsciences.com

Kaedah Penggunaan Pendekatan Euritmik Dalcroze Untuk Meningkatkan Tahap Koordinasi Menyanyi Sambil Bermain Alat Perkusi Kompang dalam kalangan Kanak-kanak

Md Jais Bin Ismail[1], Loo Fung Chiat[1]
[1]Jabatan Muzik, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Correspondence: Md Jais Bin Ismail (md_jais@yahoo.com)

Abstrak

Kajian-kajian lepas telah menyatakan bahawa untuk melakukan dua kemahiran muzik pada satu masa bukanlah suatu perkara yang mudah. Hal ini bertambah sukar apabila kemahiran ini diajarkan kepada kanak-kanak. Namun, pendekatan Euritmik Dalcroze yang bertumpukan kepada komponen pergerakan berirama memberikan keutamaan kepada tubuh badan sebagai instrumen utama menguasai elemen muzik dan seterusnya meningkatkan koordinasi seseorang individu. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan pendekatan Euritmik Dalcroze untuk meningkatkan koordinasi kemahiran menyanyi sambil bermain kompang dalam kalangan kanak-kanak. Kajian ini merupakan kajian rintis yang melibatkan peserta seramai 31 orang murid-murid dari sebuah sekolah rendah di Putrajaya yang terdiri daripada 19 orang lelaki dan 12 orang perempuan. Pencapaian responden dianalisis selepas intervensi diberikan kepada responden sebanyak 12 sesi selama tiga bulan. Kajian mendapati bahawa skor min pencapaian koordinasi menyanyi dan bermain kompang ialah 61.7 dengan nilai sisihan piawai 12.47. Keputusan ujian juga menunjukkan tiga orang murid mendapat Gred A, 10 orang murid mendapat markah Gred B, 13 orang murid mendapat Gred C, empat orang murid mendapat Gred D dan seorang murid gagal dengan mendapat Gred E. Hal ini bermakna seramai 30 orang murid telah lulus ujian yang dijalankan. Oleh kerana hampir semua murid telah lulus dengan ujian yang dijalankan, pendekatan Euritmik Dalcroze adalah sesuai digunakan untuk meningkatkan korrdinasi menyanyi sambil bermain kompang dalam kalangan kanak-kanak.

Kata kunci: euritmik dalcroze, koordinasi, menyanyi sambil bermain kompang, kanak-kanak

Method of Using Eurhythmics Dalcroze Approach to Increase the Coordination of Singing and Playing Kompang Percussion Among Children

Abstract

Previous studies shows that to do two musical skills simultaneosly is not easy. This is more difficult when it been taught to children. However, the Dalcroze Eurhythmics Approach is believed can ease the children to coordinate the musical skills to present a good musical performance. This is a pilot study involving sample of 31 children from a primary school in Putrajaya divided into 19 boys and 12 girls. Respondents' achievement were analysed after 12 sessions of intervention for three months. Result shows the mean score of the coordination singing and playing kompang is 61.7 with standard division 12.47. There are 3 students scored Grade A, 10 scored Grade B, 13 scored Grade C, 4 scored Grade D and one student failed with Grade E. Because 30 students have passed the test, the reasearcher come up

with the solution that the Dalcroze Eurhythmics Approach is relevant to be taught to increase children coordination skill which is sing and play percussion simultaneously.

Keywords: dalcroze eurhythmics, coordination, singing and playing kompang, children

Pengenalan

Menyanyi sambil bermain alat muzik merupakan suatu kemahiran yang bukan mudah untuk dilakukan. Welsh (2015) turut mengakui bahawa kesukaran ini juga dialami oleh para pemuzik untuk menggabungkan dua kemahiran iaitu nyanyian dan permainan alat muzik secara serentak. Dickson (2017) pula menyatakan bahawa kesukaran untuk melakukan kemahiran ini biasanya berlaku kepada mereka yang masih baru yang tidak dapat membezakan konsep meter dengan irama. Covney (2015) berpendapat kemahiran menyanyi sambil bermain alat muzik sangat mudah dilakukan tetapi amat sukar untuk dipelajari. Seseorang yang tidak dapat melakukan dikatakan masih tidak mempunyai kekuatan memori untuk mengkoordinasikan dua kemahiran dalam satu masa. Oleh itu, jelaslah di sini bahawa kemahiran menyanyi sambil bermain alat muzik bukanlah mudah untuk dilakukan.

Dalam sistem pendidikan rendah di Malaysia, muzik telah diajar sekitar tahun 1985 lagi. Murid-murid diajar melakukan kemahiran nyanyian, permainan alat muzik dan gerakan untuk meneroka konsep-konsep muzikal seperti irama, melodi, harmoni, ton, jalinan dan ekspresi (Zaharah, 2003). Kurikulum muzik yang ada pada hari ini dikenali dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang mempersiap murid dengan kemahiran abad ke-21 untuk membolehkan mereka bersaing di peringkat global. Berdasarkan kurikulum terkini, mata pelajaran muzik digabungkan dengan seni visual membentuk subjek Pendidikan Kesenian. Murid-murid diberi pendedahan meneroka empat modul kurikulum iaitu Bahasa Seni, Kemahiran Seni, Kreativiti dan Inovasi Seni serta Apresiasi Seni. Murid-murid berpeluang untuk berkarya dengan meluahkan idea kreatif dan meningkatkan apresiasi terhadap estetika muzik (BPK, 2016). Walaupun kurikulum telah berubah, namun kegiatan nyanyian dan permainan alat perkusi tetap menjadi keutamaan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran muzik dalam bilik darjah.

Di sekolah, kanak-kanak turut diajar untuk mengkoordinasikan kedua-dua kemahiran ini sebagai persediaan untuk membuat persembahan muzik seperti pertandingan kompang formasi, dikir barat, nasyid, koir dan sebagainya. Walau bagaimanapun, latihan persediaan tersebut memakan masa yang lama untuk memastikan kanak-kanak tersebut benar-benar dapat mengkoordinasikan kemahiran nyanyian dengan alat perkusi. Hasil temu bual tidak berstruktur dengan guru-guru muzik di Putrajaya juga mendapati murid-murid memerlukan masa yang lama untuk mempelajari kemahiran tersebut.

Oleh itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti keberkesanan pendekatan Euritmik Dalcroze dalam kalangan kanak-kanak. Mengikut pendekatan Euritmik Dalcroze, aktiviti pergerakan berirama dilakukan untuk mengkoordinasikan anggota badan seperti kaki dengan tangan atau tangan kanan dengan tangan kiri. Pengkaji telah membuat sedikit modifikasi dengan mennjalankan aktiviti pergerakan berirama untuk mengkoordinasikan dua kemahiran muzik iaitu menyanyi dengan bermain kompang atau secara spesifiknya melibatkan koordinasi antara tangan (instrumen) dengan mulut (vokal).

Koordinasi Kemahiran Nyanyian Dan Permainan Alat Muzik Kompang

Menurut Welsh (2015), kemahiran menyanyi sambil bermain alat muzik amat sukar untuk dilakukan. Hal ini sudah tentu memerlukan fokus dan perhatian yang tinggi untuk membolehkan seseorang melakukan kemahiran tersebut. Terdapat pelbagai manfaat yang dapat diperolehi sekiranya seseorang individu dapat menyanyi sambil bermain alat muzik. Antara manfaatnya adalah dapat meningkatkan kemahiran aural (pendengaran), dan kemahiran bermain muzik. Sekiranya ia dilakukan secara berkumpulan pula dapat memupuk nilai kerjasama yang tinggi sesama ahli kumpulan (Sutton. 2017).

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 3, Issue 4, (page 119 - 128), 2018

Cooper (2016) menyatakan persembahan nyanyian sambil bermain alat muzik dapat menarik perhatian penonton dan boleh mengubah emosi penonton ke arah emosi yang lebih tenang. Selain itu, aktiviti menyanyi sambil bermain alat muzik boleh meningkatkan kemahiran penyanyi untuk menyanyi pada landasan tempo dan melodi yang betul. Ia juga dapat menjana pendapatan yang lebih tinggi berbanding individu yang hanya dapat melakukan satu kemahiran muzik sahaja (Roth, 2016).

Antara aktiviti yang melibatkan gabungan kemahiran menyanyi dan bermain alat muzik ialah permainan kompang. Kajian Kajian Martha, Syeilendra dan Marzam (2013) telah menemui permainan kompang diiringi dengan nyanyian yang berunsur keislaman. Hal ini juga telah diperkuatkan dengan hujah dari kajian Ramadona, Minawati dan Nursyirwan (2017) yang menjelaskan permainan kompang secara tradisi mempersembahkan alunan paluan kompang yang diiringi lagu puji-pujian kebesaran Allah dan selawat nabi. Siti (2016) pula telah menemui bahawa permainan kompang pada zaman sekarang banyak diiringi dengan lagu-lagu popular masa kini yang dipersembahkan dalam majlis perkahwinan. Persembahan kompang juga dikatakan sesuai untuk diadakan di dalam majlis menyambut ketibaan pembesar negeri, meraikan, mengiringi silat, mengiringi orang Islam menunaikan haji, dan pertandingan di peringkat negeri.

Berdasarkan hujah yang diberikan, fungsi kemahiran menyanyi sambil bermain muzik digunakan untuk menghasilkan persembahan yang menarik, meningkatkan kemahiran muzikaliti memupuk nilai kerjasama kumpulan. Welsh (2015) menyatakan bahawa seseorang yang dapat menyanyi sambil bermain alat muzik seperti dram dapat meningkatkan fokus mental dan meningkatkan kemahiran koordinasi. Oleh kerana itu, kemahiran ini adalah wajar diajarkan terutama kepada kanak-kanak di peringkat sekolah rendah lagi. Secara kasar, kemahiran ini ada diajarkan di sekolah rendah tetapi tidak diberikan keutamaan. Di peringkat sekolah rendah, murid-murid didedahkan dengan aktiviti nyanyian dan permainan alat perkusi yang diajar secara berasingan. Guru-guru mengajar murid-murid menguasai kemahiran nyanyian dahulu dan kemudiannya kemahiran alat perkusi. Ada juga guru mengajar murid bermain alat perkusi mengiringi nyanyian mereka untuk meningkatkan kecekapan mengawal tempo dan irama semasa menyanyi.

Walaubagaimanapun, untuk menyanyi sambil bermain kompang bukanlah sesuatu yang mudah. Ia memerlukan koordinasi yang tinggi antara kemahiran nyanyian dengan kemahiran bermain kompang. Kebanyakan guru menggunakan pendekatan sendiri untuk mengajar kemahiran ini. Ada juga yang merujuk buku panduan pengajaran muzik yang dibekalkan oleh pihak kementerian. Antara pendekatan muzik yang boleh digunakan untuk meningkatkan koordinasi muzikal ialah Pendekatan Euritmik Dalcroze. Hal ini bertepatan dengan kajian Frego (2004) dan Juntunen (2016) yang membuktikan bahawa pendekatan Euritmik Dalcroze dapat meningkatkan koordinasi muzikal seseorang. Manifold (2008) pula memperkuatkan lagi bukti ini dengan menyatakan Pendekatan Euritmik Dalcroze sangat sesuai digunakan oleh kanak-kanak untuk mempelajari sesuatu kemahiran muzik terutamanya yang melibatkan aktiviti menyanyi dan bermain instrumen muzik.

Pendekatan Euritmik Dalcroze

Euritmik Dalcroze merupakan suatu pendekatan dalam bidang pendidikan muzik yang diperkenalkan oleh Emile Jaques Dalcroze. Beliau merupakan komposer, pemuzik dan pendidik berbangsa Swiss yang mengutarakan konsep pembelajaran muzik melalui gerakan. Asas kepada pendekatan Dalcroze ialah koordinasi muzik dengan pergerakan tubuh badan (Thresher, 1964). Terdapat tiga komponen utama dalam pendekatan Euritmik Dalcroze iaitu pergerakan berirama, solfa dan improvisasi (Dalcroze, 2013). Komponen pertama iaitu pergerakan berirama merupakan elemen muzik yang paling utama dan paling dekat dengan manusia (Dalcroze, 1921). Maka, Dalcroze telah memperkenalkan komponen ini dengan menghubungkaitkan unsur masa, ruang dan tenaga untuk membentuk pergerakan berirama yang sempurna. Ketiga-tiga unsur tersebut adalah saling berkait rapat dan mempengaruhi antara satu sama lain.

Seseorang individu boleh meneroka muzik dengan melakukan gerakan seperti berjalan, bergalop, melompat dan skip mengikut irama lagu. Kanak-kanak dikatakan lebih menghargai dan mencintai

muzik melalui cara ini (Dalcroze, 2013). Pendekatan Euritmik Dalcroze telah digunakan secara meluas dalam dunia pendidikan muzik dan memberi kesan kepada pendekatan-pendekatan muzik yang lain. Menurut Shamrock (2018), pendekatan Euritmik Dalcroze telah mempengaruhi pedagogi Carl Orff. Jika diteliti dalam pendekatan Carl Orff, beliau telah mengguna pakai konsep pergerakan lokomotor menerusi gabungan elemen ruang, masa dan tenaga untuk memperkuat pengalaman muzik kanak-kanak yang terdapat dalam pendekatan Euritmik Dalcroze.

Kajian Wang (2008) telah mendapati bahawa murid-murid telah menunjukkan pencapaian positif dalam pembelajaran tajuk irama menggunakan pendekatan Dalcroze yang dijalankan mengikut jadual. Dapatan kajian menunjukkan bahawa melalui latihan muzik yang konsisten yang diselangi dengan pembelajaran siri-siri latihan irama dapat membantu murid meningkatkan pengetahuan yang lebih tinggi terhadap konsep irama dan meter. Pendekatan yang digunakan juga dapat memupuk kecenderungan murid terhadap pembelajaran muzik dan mewujudkan suasana pembelajaran kelas muzik bertambah menarik dengan melibatkan dua kumpulan murid. Manifold (2008) dalam kajiannya pula telah menerangkan bahawa pendekatan Euritmik Dalcroze merupakan asas kepada semua pembelajaran elemen muzik termasuklah nyanyian dan permainan alat. Pendekatan ini dikatakan sangat relevan dan sesuai dijalankan ke atas kanak-kanak untuk meningkatkan kemahiran muzikal mereka. Walaubagaimanapun, pendekatan Euritmik Dalcroze masih belum diuji untuk mengkoordinasikan kemahiran nyanyian dengan permainan alat alat muzik.

Metodologi

Populasi Dan Pemilihan Sampel

Kajian dijalankan selepas mendapat kebenaran daripada pihak sekolah. Sampel kajian terdiri daripada 31 orang murid tahun tiga yang berumur sembilan tahun yang hanya belajar muzik di sekolah semasa kelas Pendidikan Muzik. Mereka tidak menghadiri kelas-kelas intensif muzik di luar waktu sekolah. Bilangan sampel kajian ini ditentukan dengan mengambil kira pernyataan Roscoe (1975) iaitu bilangan sampel yang sesuai untuk kajian eksperimental ialah seramai sekurang-kurangnya 30 orang atau lebih. Terdapat seramai 19 orang murid lelaki dan 12 orang murid murid perempuan yang terlibat sebagai responden dalam kajian ini.

Prosedur eksperimen

Kajian ini telah dijalankan secara kuantitatif melalui reka bentuk pra-eksperimental di sebuah sekolah rendah di Putrajaya. Murid-murid yang terlibat telah diberi pendedahan belajar untuk mengkoordinasikan kemahiran nyanyian dan permainan kompang menggunakan pendekatan Euritmik Dalcroze selama 12 minggu. Pengkaji telah hadir ke sekolah tersebut dan mengajar murid-murid tersebut 30 minit setiap minggu sebanyak 12 sesi. Murid-murid telah dinasihatkan supaya tidak belajar dengan mereka yang mahir dalam bidang muzik terutamanya permainan kompang atau menghadiri kelas-kelas intensif muzik sepanjang tempoh kajian. Hal ini adalah untuk mengelakkan pengaruh pemboleh ubah gangguan dalam kajian ini. Semasa proses pengajaran dan pembelajaran, lagu ‘Azam Baru” dan ‘Ceritaku’ telah digunakan. Manakala bahan bantu mengajar yang digunakan ialah pemain cakera padat dan kompang. Pada minggu ke 12, pengkaji menjalankan ujian amali ke atas responden. Ujian amali telah dijalankan secara satu persatu ke atas murid dalam sebuah bilik khas. Kemahiran yang ditunjukkan murid-murid tersebut juga direkodkan. Berikut merupakan aktiviti yang dijalankan sepanjang minggu (sesi) kajian menggunakan pendekatan Euritmik Dalcroze:

Jadual 1: Aktiviti Ujian Amali Menggunakan Pendekatan Euritmik Dalcroze

Sesi	Aktiviti
1	• Murid berjalan mengikut tempo lagu “Azam Baru’ yang diperdengarkan. • Murid berjalan sambil menepuk bit lagu yang diperdengarkan.

	• Murid berjalan sambil menepuk bit lagu apabila muzik dimainkan dan berhenti apabila muzik dihentikan. • Murid berjalan sambil menepuk bit lagu apabila muzik tidak diperdengarkan, dan berhenti apabila mendengar muzik. • Murid berjalan sambil menepuk bit lagu pada kompang. • Murid berjalan sambil menepuk pola irama lagu pada kompang.
2	• Murid berjalan sambil menepuk corak irama ♩ ♫♩ ♩ mengikut tempo lagu yang diperdengarkan dengan bimbingan guru. • Murid berjalan sambil menepuk corak irama ♩ ♫♩ ♩ mengikut tempo lagu yang diperdengarkan dengan bimbingan guru. • Murid menyanyi sambil menepuk corak irama yang telah dipelajari. • Murid menyanyi sambil menepuk corak irama yang telah dipelajari menggunakan kompang.
3	• Murid berjalan dan melompat mengikut corak irama ♩ ♫♫♩ • Murid menyanyi sambil berjalan dan melompat mengikut corak irama tersebut. • Murid menyanyi sambil menepuk corak irama tersebut menggunakan kompang dengan iringan muzik. • Murid menyanyi sambil menepuk corak irama tersebut menggunakan kompang tanpa iringan muzik.
4	• Murid membunyikan perkusi badan dengan memainkan corak irama ♫♫♩ ♩ dan ♫♩ ♫♩ dengan bimbangan guru. • Secara berpasangan, murid meniru gerakan rakan memainkan perkusi badan berdasarkan corak irama ♫♫♩ ♩ dan ♫♩ ♫♩ mengikut muzik yang diperdengarkan. • Murid menyanyi sambil memainkan corak irama yang dipelajari menggunakan kompang mengikut muzik. • Murid menyanyi sambil memainkan corak irama yang dipelajari menggunakan kompang tanpa muzik.
5	• Murid melakukan gerakan mengikut lagu ‘Ceritaku’ yang diperdengarkan. • Murid melakukan aksi haiwan seperti lembu dan tikus mengikut muzik yang diperdengarkan. • Murid menyanyi sambil menepuk dua corak irama yang telah dipelajari dengan iringan muzik. • Murid menyanyi sambil menepuk dua corak irama yang telah dipelajari menggunakan kompang dengan iringan muzik.
6	• Murid menyanyi sambil menepuk dua corak irama yang telah dipelajari dengan iringan muzik. • Murid bergerak mengikut dua corak irama yang telah dipelajari dengan iringan muzik. • Murid menyanyi sambil bergerak mengikut dua corak irama yang telah dipelajari dengan iringan muzik. • Murid menyanyi sambil menepuk dua corak irama yang telah

	dipelajari menggunakan kompang dengan iringan muzik.
7	• Murid berada dalam formasi bulatan. • Seorang murid menepuk dua corak irama yang telah dipelajari menggunakan perkusi badan. Murid lain meniru aksi tersebut dengan iringan muzik. • Murid menyanyi dan melakukan langkah b. Murid menjadi ketua secara bergilir-gilir. • Murid menyanyi sambil menepuk dua corak irama yang telah dipelajari menggunakan kompang dengan iringan muzik.
8	• Murid menyanyi dengan dinamik kuat dan dinamik lembut sambil membuat gerakan yang sesuai dengan bimbingan guru. • Murid menyanyi secara dinamik lagu 'Ceriteraku' dengan melakukan gerakan mengikut aras. Aras tinggi mewakili dinamik kuat manakala aras rendah mewakili lembut. • Murid menyanyi sambil menepuk corak irama yang telah dipelajari mengikut dinamik. • Murid menyanyi sambil bermain kompang mengikut dinamik dengan iringan muzik.
9	• Murid membayangkan diri berada dalam situasi lagu 'Ceritaku'. • Murid melakukan gerakan yang sesuai mengikut tempo lagu yang diperdengarkan. • Murid membuat gerakan lokomotor mengikut corak irama yang telah dipelajari dengan iringan muzik. Murid boleh berjalan, bergallop, skip, melompat, merangkak dan sebagainya. • Murid menyanyi sambil bermain kompang dengan iringan muzik.
10	• Murid menyanyikan lagu 'Ceritaku' mengikut dinamik kuat dan lembut dengan bimbingan guru. • Murid menyanyi sambil melakukan gerakan yang sesuai mengikut corak irama yang telah dipelajari dalam kumpulan kecil. • Murid menyanyi sambil bermain kompang mengikut corak irama yang telah dipelajari dalam kumpulan kecil. • Murid mempersembahkan hasil kumpulan masing-masing.
11	• Murid menyanyikan kedua-dua lagu yang telah dipelajari mengikut dinamik dan tempo lagu. • Murid berlatih menyanyi kedua-dua lagu sambil melakukan gerakan mengikut corak irama yang telah dipelajari secara individu atau berkumpulan. • Beberapa orang murid diminta menunjukkan hasil latihan. • Murid berlatih menyanyi sambil bermain kompang mengikut corak irama yang telah dipelajari secara individu atau berkumpulan. • Beberapa orang murid diminta menunjukkan hasil latihan.
12	• Murid membuat latihan menyanyi sambil bermain kompang. • Murid diuji seorang demi seorang di dalam bilik khas.

	• Murid yang telah diuji diasingkan daripada murid yang belum menduduki ujian. • Murid yang telah menduduki ujian diberikan token (sebatang pensel dan pemadam). • Hasil ujian dan pemerhatian direkodkan.

Keesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

Instrumen yang digunakan untuk menilai pencapaian murid-murid telah dibangunkan oleh pengkaji dengan merujuk skema pemarkahan daripada *The Associated Board of The Royal School of Music* (ABRSM) dan sistem gred yang digunakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Mengikut sistem gred yang sedang berkuat kuasa sekarang untuk sekolah rendah ialah Gred A iaitu cemerlang berada dalam julat markah 80 hingga 100, Gred B iaitu baik berada dalam julat markah 65 hingga 79, Gred C iaitu memuaskan berada dalam julat markah 50 hingga 64, Gred D iaitu mencapai tahap minimum berada dalam julat markah 40 hingga 49 dan Gred E iaitu belum mencapai tahap minimum berada dalam julat markah 0 hingga 39.

Instrumen pemarkahan telah dibina yang melibatkan koordinasi kemahiran nyanyian dan permainan kompang. Kriteria yang dinilai ialah tonaliti, tempo, irama, ekspresi, dan persembahan.

Ujian kebolehpercayaan instrumen yang dijalankan telah mendapati nilai *Cronbach alpha* $\alpha = .921$. Mengikut Sekaran dan Bougie (2010), nilai *Cronbach alpha* yang melebihi 0.8 dikatakan mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi.

Analisis Data

Penilaian telah dilakukan ke atas pencapaian koordinasi kemahiran nyanyian dan permainan kompang para responden. Data dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) *Version 21* untuk mencari min dan sisihan piawai.

Hasil Kajian

Sebelum kajian dilakukan, didapati tahap pencapaian kemahiran nyanyian dan permainan alat perkusi berada pada tahap yang memuaskan iaitu berada pada tahap penguasaan (*band*) 3. Berdasarkan maklumat daripada guru, murid-murid telah pernah belajar menyanyi dan bermain kompang. Walaubagaimanapun, mereka tidak pernah lagi diuji dengan kemahiran koordinasi nyanyian dan permainan alat perkusi. Setelah 12 kali bersama responden selama tiga bulan menggunakan pendekatan Euritmik Dalcroze, pengkaji membentangkan dapatan ujian koordinasi menyanyi sambil bermain alat perkusi kompang.


Jadual 1: Analisis Pencapaian Kemahiran Koordinasi Kemahiran Menyanyi Sambil Bermain Alat Perkusi Kompang

	Markah nyanyian (%)	**Markah kompang (%)**	**Markah koordinasi (%)**
N	31	31	31
Mean	64.6774	58.9032	61.7097
Median	63.0000	56.0000	60.0000
Mode	61.00[a]	54.00[a]	58.00
Std. Deviation	13.03172	13.46193	12.47449

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 3, Issue 4, (page 119 - 128), 2018

Berdasarkan Jadual 1, didapati skor min pencapaian responden (N=31) bagi kemahiran nyanyian adalah lebih tinggi daripada kemahiran permainan kompang sebanyak 5.7 peratus. Manakala skor min pencapaian koordinasi kemahiran menyanyi sambil bermain kompang telahmencatatkan markah 61.7 peratus. Markah paling tinggi yang telah dicapai murid dalam koordinasi kemahiran ini ialah sebanyak 86 peratus manakala yang paling rendah ialah 32 peratus. Maka, julat markah tertinggi dan terendah adalah sangat luas iaitu sebanyak 54 peratus.Hal ini menunjukkan murid-murid terdiri daripada mereka yang mempunyai tahap kemahiran yang pelbagai atau *heterogenous*.

Secara lebih terperinci, didapati tiga orang murid mendapat markah antara 80 hingga 100 peratus Gred A), 10 orang murid mendapat markah antara 65 hingga 79 peratus (Gred B), 13 orang murid mendapat markah antara 50 hingga 64 peratus (Gred C), 4 orang murid mendapat markah antara 40 hingga 49 peratus (Gred D), dan seorang murid mendapat markah antara 0 hingga 39 peratus (Gred E). Hal ini menunjukkan majoriti murid dalam kajian ini iaitu seramai 30 orang telah lulus dengan markah melebihi 40 peratus. Data juga dianalisa berdasarkan rajah di bawah.



Rajah 1: Histogram Pencapaian Koordinasi Kemahiran Menyanyi Sambil Bermain Kompang

Rajah 1 menunjukkan terdapatnya garis melengkung simetri membentuk sebuah loceng serta nilai median (M=60.0) dan mod (mod=58.0) yang mendekati nilai min (61.71). Hal ini menunjukkan bahawa data mempunyai taburan normal.

Perbincangan

Dalam kajian rintis ini, keputusan menunjukkan koordinasi kemahiran menyanyi sambil bermain kompang mampu ditingkatkan dengan menggunakan pendekatan Euritmik Dalcroze. Walaupun majoriti murid iaitu seramai 13 orang mendapat gred C atau berada pada tahap memuaskan namun, ada juga murid yang mendapat gred A dan B. Malah peratus murid lulus dengan baik dan cemerlang adalah lebih tinggi. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pendekatan Euritmik Dalcroze sesuai digunakan sebagai intervensi koordinasi kemahiran menyanyi sambil bermain kompang dalam kalangan kanak-kanak.

Dalam pengajaran menggunakan pendekatan ini juga, pengkaji lebih banyak mengaplikasikan komponen pergerakan berirama iaitu suatu komponen dari Euritmik Dalcroze berasaskan pergerakan yang menghubungkan konsep tenaga, masa, dan ruang. Jika dibandingkan dengan kajian Su (2014) tanpa menggunakan pendekatan yang sesuai telah menyebabkan majoriti responden gagal menyanyi

sambil bermain alat muzik. Responden telah menunjukkan kelemahan persembahan sejak permulaan lagi dan perlu penambaikan dari aspek latihan nyanyian dan permainan alat. Responden dikatakan lemah dalam mengawal tempo irama dan intonasi serta tidak mempunyai latar teori muzik dan harmoni yang mantap.

Melalui penerapan elemen-elemen pergerakan, kanak-kanak didapati lebih menumpukan perhatian, kreatif dan cepat untuk memahami sesuatu konsep muzik. Hal ini bertepatan dengan pernyataan Willour (1969) yang menjelaskan Euritmik memberi ruang kepada kanak-kanak meluahkan ekspresi secara bebas yang mempengaruhi sikap dan perkembangan psikososial mereka. Maka, perhatian dan kebolehan pendengaran mereka dapat ditingkatkan yang membolehkan mereka menganalisis konsep-konsep muzikal dengan lebih cepat. Proses ini diaplikasikan ke dalam kemahiran nyanyian dan permainan kompang dan terbukti ia berkesan dalam meningkatkan muzikaliti kanak-kanak. Mereka bukan sahaja boleh menyanyi atau bermain kompang, tetapi boleh mengkoordinasikan kedua-dua kemahiran bersama.

Walaubagaimanapun, untuk menjalankan aktiviti pengajaran berasaskan pendekatan Euritmik memerlukan masa dan tenaga yang banyak. Seseorang guru perlu benar-benar memperuntukkan masa yang cukup kepada murid-murid untuk meneroka konsep muzikal yang ingin diajar. Guru juga perlu mengajar dengan menunjukkan demonstrasi gerakan terlebih dahulu untuk menjana idea daripada murid. Di samping itu, aktiviti Euritmik Dalcroze memerlukan penggunaan kawasan yang cukup luas untuk memudahkan murid-murid bergerak dan meneroka ruang untuk merasai elemen muzik.

Kesimpulan

Kesimpulannya, pendekatan Euritmik Dalcroze masih relevan untuk diguna pakai pada masa kini dalam kelas-kelas pendidikan muzik khasnya. Pengkaji mencadangkan agar satu kajian pendekatan Euritmik Dalcroze ke atas koordinasi kemahiran muzik yang lain dapat dilakukan. Contohnya, koordinasi kemahiran menyanyi sambil bermain piano dan koordinasi kemahiran menyanyi sambil menari menggunakan pendekatan Euritmik Dalcroze. Hal ini bukan sahaja dapat meningkatkan muzikaliti seseorang malah dapat memperluaskan lagi kebolehgunaan pendekatan Dalcroze dalam bidang-bidang yang lain. Diharapkan dalam kajian sebenar yang dijalankan nanti prosedur kajian ini dapat dimantapkan lagi dan menghasilkan keputusan yang lebih signifikan.

Rujukan

BPK.(2016). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah. Pendidikan Kesenian Tahun 2*. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Cooper, A. (2016, July 23). The 11 Most Surprising Benefits of SINGING – Even More Reasons to Start Singing Along with Your Guitar! Retrieved February 10, 2018, from http://guitarhippies.com/benefits-of-singing/

Covney, K. (2015, June 14). Why can't I sing and play guitar/ukulele at the same time? Retrieved March 6, 2018, from https://www.quora.com/Why-cant-I-sing-and-play-guitar-ukulele-at-the-same-time

Dalcroze, E. J. (2013). *Rhythm, Music and Education* . Read Books Ltd.

Dalcroze, E. J. (1921). *Rhythm, music and education*. GP Putnam's Sons.

Dickson, K. (2017, March 23). 11 Tricks to Singing and Playing Guitar at the Same Time. Retrieved March 6, 2018, from https://www.guitarworld.com/lessons/guitar-tricks-11-tricks-singing-and-playing-guitar-same-time

Frego, R. D., Gillmeister, G., Hama, M., & Liston, R. E. (2004). The Dalcroze Approach to Music Therapy. *Introduction to approaches in music therapy*, 15-24.

Juntunen, M. L. (2016). The Dalcroze Approach. Teaching General Music: Approaches, Issues, and Viewpoints.

Manifold, H. L. (2008). Applying Jaques-Dalcrose's Method to Teaching Musical Instruments And its Effect on the Learning Process.

Martha, D., Syeilendra, S., & Marzam, M. (2013). Bentuk penyajian kompang pada pesta perkawinan dalam prosesi arak-arakan masyarakat muara jangga. *Jurnal Sendratasik*, *2*(1), 12-21.

Ramadona, Y., Minawati, R., & Nursyirwan, N. (2017). Kompang Atraksi pada Masyarakat Bengkalis Riau. Bercadik: *Jurnal Pengkajian dan Penciptaan Seni*, 2(2).

Roscoe, J.T.(1975). *Fundamental research statistics for the behavioral sciences*. 2nd edition. New York: Holt Rinehart & Winston.

Roth, R. (2016, July 29). Singing While Drumming – Why You Too Should Practise It. Retrieved February 10, 2018, from http://www.istanbulmehmet.com/singing-drumming-practise/

Sekaran, U. & Bougie, R. (2010). Research methods for business: A skill building approach (5th ed.). Chichester: John Willey & Sons Ltd.

Shamrock, M. (2018). THE ORFF-SCHULWERK APPROACH. [online] allianceamm. Available at: https://www.allianceamm.org/resources/orff-schulwerk/ [Accessed 7 Jul. 2018].

Siti, S. A. (2016, September 24). Paluan lima beradik. *MyMetro*. Retrieved February 13, 2018, from https://www.hmetro.com.my/node/168944

Su, Y. T. (2014). The Management of Playing the Piano and Sing Simultaneously for Non-Music Major Adult Learners. The Journal of Human Resource and Adult Learning, 10(2), 127.

Sutton, C. (2017). Play and Sing. Retrieved January 31, 2018, from https://www.musical-u.com/modules/singing/play-and-sing/

Threser, J. M. (1964). The contributions of Carl Orff to elementary music education. Music Educators Journal, 50(3), 43-48.

Welsh, D. (2015, July 6). 4 Tips to Get Better at Playing and Singing Simultaneously. Retrieved February 10, 2018, from http://blog.sonicbids.com/4-tips-to-get-better-at-playing-and-singing-simultaneously

Wang, D.P. (2003).*The Quantifying Analysis of Effectiveness of Music Learning Through The Dalcroze Musical Method*. Faculty of Education, University of Macau, Taipa Macau, China. USA.

Willour, J. (1969). Beginning with delight, leading to wisdom: Dalcroze. *Music Educators Journal 56*(1), 72.

Zaharah M. A. (2003). Dalcroze Eurhythmics Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Muzik Tahap Satu Sekolah Rendah (*Doctoral dissertation, USM*) eprints@usm.